

Murid membaca petikan dengan bimbingan ibu bapa membina perenggan berdasarkan gambar.

 **Menulis**

Premis Makanan Pilihan Anda

Cikgu Intan, Guru Pendidikan Kesihatan Kelas 3A, telah memberikan tugas kepada murid-muridnya. Mereka perlu mencari maklumat tentang pemilihan premis makanan yang bersih. Hanif telah mendapat maklumat yang berikut.



Pengusaha makanan di premis makanan perlu memakai pakaian yang sesuai dan bersih. Amalan ini akan memastikan makanan terhindar daripada bakteria. Pengusaha makanan perlu memakai apron, sarung tangan dan penutup kepala.



Makanan yang telah dimasak perlu ditutup.

- mengelakkan makanan dihindangi lalat
- membawa penyakit - taun - cirit-birit - 





Kemudahan Asas

Terdapat pelbagai kemudahan asas di premis makanan seperti tong sampah, tempat membasuh tangan dan tandas.

Peralatan memasak perlulah bersih agar dapat menjamin kualiti makanan.